


TERBITAN KMUM APIUM

# E-RISALAH

MAHASISWA DAN ISLAM



MATLAMAT DAN  
CITA-CITA  
TIDAK MENGENAL  
SIAPA KITA

MS 18

MEMBENTUK PERSONALITI  
DIRI MAHASISWA

MS 11

PERSONALITI:  
SEMPOI ATAU SPOIL?

MS 24

INTROVERT & EXTROVERT:  
APA YANG PERLU ANDA  
TAHU?

MS 14

THE MIRACLE  
IN YOU

EDISI 3

# ORGANISASI

## PENASIHAT

Prof Madya Dr Siti Zubaidah  
binti Ismail

## PENGARAH

Azrie Ezaldi bin Rohaidee  
Asna binti Sulaiman

## SETIAUSAHA

Hafeezur-Rahman bin Awel  
Liyana Nadiah binti Rosmi

## EDITOR

Nur Liyana binti Mohammad Asri  
Muhammad Saiful Izuan bin  
Osman

## EDITOR SYARIAH

Muhammad Abbas bin  
Mohammad Puzi

## KONSEP/LAYOUT

Afiqah binti Razlee  
Muhammad Hafiz bin Zamri  
Puteri Nazura binti Takiudin  
Nur Imanina binti Harun  
Hussain Hakimi bin Ridzuan  
Nur Izyanti Afiqah binti En  
Abdul Rahim

## ILUSTRASI

Nurul Hanis bin Yusoff  
Dayang Farhanah binti  
Awang Zainol  
Nurul Adha binti Mahamad  
Madani

## HADIAH

Nurul Afiqah binti Md Muhyiddin

# KALAM EDITOR

**H**iasan pada sebuah binaan itu memberikan satu tanggapan pertama terhadap si pembina dan binaan itu sendiri.

Begitulah juga personaliti, ia memberikan satu sisi pandang pertama terhadap empunya diri. Jika elok ia, maka eloklah penilaian si pelihat. Jika buruk ia, maka buruklah pada pandangan si pelihat.

Membentuk personaliti yang baik bukanlah untuk dijadikan sebagai satu item bagi dinilai oleh manusia, namun ia adalah satu tuntutan kepada kita bagi mencapai martabat ihsan dalam kehidupan menuju ke Syurga Allah SWT.

Personaliti yang unggul itu pula tidak lain tidak bukan datangnya dari akhlak Islamiah yang syumul. Sabda Nabi SAW:

*“Mukmin yang paling sempurna imannya itu adalah yang paling baik akhlaknya.” (HR Abu Dawud: 4682)*

Mempunyai personaliti yang baik merupakan satu kelebihan malah akan menjadikan kita insan yang istimewa disisi Baginda SAW. Sabda Nabi SAW:

*“Yang paling aku cintai dan paling dekat denganku ketika hari kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya, dan yang paling aku benci dan paling jauh dariku ketika hari kiamat adalah yang paling buruk akhlaknya.” (Al-Baihaqi, Syu'ab al-Iman: 7622)*

Maka sayugiyalah kita bersama-sama berakhhlak dengan akhlaknya Baginda SAW, seterusnya membentuk keperibadian muslim yang terunggul. Ayuh bersama telusuri e-Risalah edisi kali ini, sebuah perjalanan mencari personaliti mukmin ideal.



**EDITOR SYARIAH,  
Mohammad Abbas bin Mohamad Puzi**

## **DOA MATHUR**

Kisah peribadi mulia dan terpuji Nabi Sulaiman AS.

**03**

## **SYAMAIL MUHAMMADIYAH**

## **QALBUN SALIM**

Personaliti seorang penuntut ilmu

**05**

## **FIQH BUDAYA**

Ijtihad Ulama Kontemporari

**08**

## **WARKAH MURABBI**

Membentuk Personaliti Diri Mahasiswa

**11**

## **MINDA SIHAT**

Introvert & Extrovert: Apa Yang Perlu Anda Tahu?

**14**



## **ISTAQAMU**

Risk Tasking: Menelusuri Perjalanan Rasul dan Anbiya' Menyelami Pendidikan Istimewa Daripada Illahi

**18**

# **ISI KANDUNGAN**

Edisi 3 / Disember 2020

## **LEBIH**

### **DIARI ALUMNI**

Matlamat dan Cita-cita Tidak Mengenal Siapa Kita

**20**

### **BEGITU BEGINI CARANYA**

**24**

### **JOM RELAKS**

Mahasiswa Intelektual, Pemimpin Negara

**27**

## **MENARIK**



Segenggam Kopi,  
Secawan Air

**33**



NURUL NAJWA AZRIN  
BINTI AZMI

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Sains Gunaan  
dengan Pengajian Islam  
Akademi Pengajian Islam

## DOA MA'THUR

وَقَالَ رَبُّ أَوْزُنِينَ أَنِ اشْكُرْ بِغَمَتِكَ الَّتِي نَعْمَلَتْ عَلَىٰ وَعَلَنْ وَلِدَىٰ وَأَنْ أَعْمَلَ صُلْطَانَ تَرْضَاهُ وَادْخُلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

Wahai Tuhan, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku dengan limpah rahmat-Mu dalam kumpulan hamba-hambaMu yang soleh. (An-Naml : 19)

Petikan doa di atas mengisahkan peribadi mulia dan terpuji yang ada pada Nabi Sulaiman AS. Sebagaimana yang kita maklum, Nabi Sulaiman AS dianugerahkan oleh Allah SWT kemampuan untuk memahami bahasa binatang antaranya semut dan burung, menjadikan angin sebagai kenderaan dan pelbagai lagi. Nabi Sulaiman AS yang dikenali sebagai seorang raja itupun mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan Allah SWT, inikan pula kita hamba sahaya yang penuh cacaat cela.

Anak muda kini tidak lari daripada ingin mengejar kecantikan, populariti dan lain-lain lagi yang bersifat sementara kerana disibukkan dengan paparan dalam media sosial yang asyik dikelih sejak matanya terbuka sehingga kembali tertutup di atas pembarangan. Sedikit sebanyak perkara itu telah menanam perasaan ketidakyakinan terhadap dirinya sendiri melihat orang lain ada lebih daripadanya. Adakah ini kehidupan yang kita mahukan? Sering dihambat dengan perasaan yang tidak menyenangkan itu? Sudah tentu **TIDAK!**

Setiap manusia itu Allah SWT telah ciptakan dengan sebaik-baik kejadian. Perkara yang perlu kita titikberatkan di sini ialah kecantikan yang Allah SWT nilai itu bukan pada luaran yakni rupa paras semata-mata. Nilaian itu akan terletak pada kecantikan akhlak kita kepada-Nya, sesama insan dan makhluk-Nya yang lain. Perkara itu yang sepatutnya menjadi keutamaan untuk kita sentiasa tingkatkan dari semasa ke semasa. Apabila diri kita dihiasi sifat mahmudah, orang yang berada di sekeliling akan berasa senang dengan kita. Tiada hasad Dengki yang akan bermaharajalela di hati.



Sifat qana'ah iaitu berasa cukup dengan apa-apa yang dikurniakan oleh Allah SWT perlu dipupuk dalam diri sebagai benteng menghadapi dugaan melawan hawa nafsu itu. Tidak mampu dihitung betapa banyaknya nikmat yang telah Allah SWT berikan kepada kita. Antara kalimah "alhamdulillah" dengan ucapan "belum cukup lagi" yang mana kita selalu ratibkan? Ayuh sama-sama kita introspeksi diri.

Kekurangan yang ada bukan untuk rasa diri itu lemah sebaliknya menunjukkan bahawa tiada yang sempurna melainkan Allah Azza Wa Jalla yang Maha Agung. Wallahu a'lam bis sawab.



# HADIS 335



NUR ZAFIRAH  
BINTI MOHD ZAINI

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Fiqh & Usul  
(Syariah Astronomi Islam)  
Akademi Pengajian Islam.

SYAMAIL  
MUHAMMADIYAH

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُنتَصِرًا مِنْ مَظْلَمَةٍ ظُلْمَهَا قَطُّ  
مَا لَمْ يُنْتَهَكُ مِنْ مَحَارِمِ اللَّهِ تَعَالَى شَيْءٌ، فَإِذَا انْتَهَكَ مِنْ مَحَارِمِ اللَّهِ شَيْءٌ كَانَ مِنْ أَشَدَّهُمْ  
فِي ذَلِكَ غَضَبًا، وَمَا حُرَّرَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ إِلَّا اخْتَارَ أَيْسَرَهُمَا مَا لَمْ يَكُنْ مَأْتِمَا

Aisyah RA berkata: Aku tidak pernah sekali pun melihat Rasulullah membalas kezaliman yang menimpa diri Baginda, selagi hal itu tidak melanggar larangan Allah. Namun jika larangan Allah dilanggar, Baginda adalah orang yang paling dahsyat menunjukkan kemarahannya. Apabila dihadapkan dengan dua perkara, Baginda akan memilih perkara yang lebih mudah asalkan ia tidak menyebabkan dosa. (Diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Tirmizi)

Pelajaran dari hadis:

Kita haruslah bersangka baik dan tidak membalas kejahatan orang lain demi menjaga keharmonian hidup, selagi mana perbuatan tersebut tidak bercanggah dengan larangan Allah.

Kita mestilah menjadi seorang yang tegas dan berprinsip dalam beragama agar kedudukan Islam sentiasa terpelihara.

Kita hendaklah bijak dalam membuat sesuatu keputusan dalam kehidupan. Pilihlah keputusan yang tidak membebankan diri serta tidak melampaui syariat Islam.

Keterangan: Hadis ini bertaraf sahih. Diriwayatkan oleh Imam Al-Tirmidhi di dalam Al-Syamail dari jalur sanad Ahmad bin Abduh Al-Dhabbi, daripada Fudhail bin Iyadh, daripada Mansur, daripada Ibn Shihab Al-Zuhri, daripada Urwah yang bersumber daripada Saidatina Aisyah RA.





**NIK MUHAMAD AIDIL  
AIMAN BIN NIK ADLI**

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Bahasa Arab  
dan Bahasa-Bahasa  
Timur Tengah  
Fakulti Bahasa dan Linguistik

**Qalbun Salim**

# PERSONALITI SEORANG PENUNTUT ILMU

Dalam Bahasa Arab, personaliti atau keperibadian disebut sebagai Al-Syakhsiyah. Asal perkataan ini adalah daripada "syakhsun" yang bermaksud seseorang atau peribadi. Keperibadian yang mulia sangatlah dituntut dalam agama Islam terutamanya bagi yang bergelar penuntut ilmu.

Hal ini kerana ilmu itu neracanya bukan sahaja terletak pada tinta-tinta di atas lembaran kertas dan bukan juga pada ungkapan-ungkapan indah yang dilontarkan di atas pentas bahkan ilmu itu ukurannya adalah pada keperibadian hasanah (baik) yang terbit daripada ilmu bermanfaat. Oleh itu, dinukilkan bahawa Imam Malik pernah berkata:

**تَعْلِمُ الْأَدَبَ قَبْلَ أَنْ تَتَعَلَّمَ الْعِلْمَ**

**Maksudnya: “Pelajarilah adab sebelum kamu mempelajari ilmu.”**

Sekiranya ditanya: Bagaimanakah dikatakan bahawa neraca ilmu itu adalah akhlak keperibadian mulia sedangkan sangat ramai orang yang keperibadiannya rendah tetapi masih cemerlang dalam kehidupan?

Maka dijawab: Seseorang itu boleh dikatakan berilmu dan dengan ilmunya itu ia cemerlang dalam ujian walaupun kurang keperibadiannya tetapi:

*“Adakah ilmu yang dimilikinya itu diredayai oleh Allah SWT?”*

Apabila Allah SWT meredai ilmu pada seseorang itu, maka dengan ilmu itu akan terbentuknya keperibadian yang terpuji dan dengan keperibadian inilah akan terpimpinnya pemilik ilmu itu di akhirat. Jangan tertipu dengan kejayaan di dunia kerana ilmu yang diredayai Allah SWT bukan sahaja memberikan faedah di dunia bahkan turut bermanfaat di akhirat kelak.

Apabila berbicara tentang personaliti penuntut ilmu, maka personaliti siapakah yang dapat dijadikan panduan dan teladan? Rasulullah SAW bersabda:

**وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَتَهُ الْأَثْيَاءُ، وَإِنَّ الْأَثْيَاءَ لَمْ يَوْرُثُوا دِينَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَلَا حُكْمًا وَلَا فَرْ**  
**Maksudnya: “Sesungguhnya ulama adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka barang siapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak.” (HR/Al-Tirmidhi 2682)**

Oleh itu, difahami daripada hadis ini bahawa para ulama' sangat sesuai untuk dijadikan sebagai panduan dalam membentuk personaliti penuntut ilmu yang unggul kerana mereka adalah golongan yang mewarisi ilmu daripada Rasulullah SAW dan baginda adalah contoh bagi sebaik-baik akhlak yang terpuji.

Allah SWT telah menjadikan para ulama' sebagai perintis sepanjang sejarah Islam. Bermula dari zaman para sahabat yang mulia sehingga ke zaman ini. Mereka seumpama bintang yang terang-benderang dalam cakerawala umat. Oleh itu wajarlah ciri personaliti ulama' diikuti terutamanya dalam menuntut ilmu. Antara ciri personaliti mereka adalah mereka sangat menjaga waktu. Di dalam risalah 'Qimah Al-Zaman 'Inda Al-'Ulama' (Nilai Masa di Sisi Ulama') karangan Syeikh 'Abd Al-Fattah Abu Ghuddah, dinukilkan beberapa kisah para ulama' dalam perjuangan mereka menuntut ilmu dan betapa berharganya waktu di sisi mereka. Antaranya adalah kisah Al-Imam Muhammad bin Jarir Al-Tabari yang merupakan pengarang bagi kitab Tafsir Jami'ul Bayan Fi Ta'wilil Quran (Tafsir Al-Tabari).

Dikisahkan bahawa Imam Al-Tabari sangat menjaga masa dan komitmen terhadap ilmu. Berkata Ali Bin Ubaidillah Al-Simsimi Al-Lughawi:

"Ibn Jarir telah menghabiskan selama 40 tahun dengan menulis 40 helai kertas setiap hari"

Imam Al-Tabari tidak mensia-siakan masanya walaupun seminit. Tidak ada satu pun daripada hidup beliau tanpa melakukan sesuatu yang berfaedah, memberi manfaat atau mengambil manfaat.

Imam Al-Haramain juga sangat mementingkan waktu dan beliau pernah berkata:

"Aku tidak tidur dan makan seperti kebiasaan. Adapun sesungguhnya aku hanya tidur apabila aku telah tertidur, sama ada pada waktu malam atau pun siang. Dan aku hanya makan apabila aku perlu untuk makan iaitu pada bila-bila masa."

Perkara ini terjadi disebabkan beliau telah merasai kelazatan dan keenakan dalam menuntut ilmu dan mencari manfaat.

Sekiranya panas musim panas, kering musim luruh, sejuk musim sejuk yang menyakitimu, serta keseronokan musim bunga melalaikanmu, maka bilakah waktu untuk menuntut ilmu?

Akhir kalam, personaliti penuntut ilmu yang unggul perlu disemaikan dalam diri setiap muslim supaya dapat dijadikan contoh teladan bagi orang awam. Tambahan pula akhlak yang mulia juga merupakan satu bentuk dakwah kerana:

*"Non-Muslim doesn't read the Quran, they doesn't read the Hadith, they read YOU. So be a good ambassador of Islam."*






**KHAIRUNNISA  
BINTI SALLEH**

Alumni  
Akademi Pengajian Islam  
Kini bekerja sebagai  
Guru Sandaran  
& Speaker Media Sosial

**FIQH BUDAYA**



# **AL-FIQH AL-MU'ASIR – IJTIHAD ULAMA KONTEMPORARI**

**Soalan:** Ustazah. Umum maklum, dunia sedang dilanda wabak penyakit berjangkit virus korona. Pelbagai inisiatif yang dilakukan pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak ini, antara yang menjadi pertikaian hangat adalah pengeluaran fatwa penangguhan solat Jumaat dan tatacara solat berjemaah. Hal ini dikaitkan dengan fiqh mu'asir atau fiqh semasa. Bolehkah ustazah terangkan serba sedikit mengenai fiqh semasa?





Alhamdulillah. Bertemu lagi kita dalam segmen tanyalah ustazah, ruang untuk saya berkongsi sedikit ilmu kepada para pembaca yang dikasihi. Jari jemari menari atas papan kekunci, sesekali terhenti, memberi masa buat minda menukilkan bait-bait ayat yang indah untuk tatapan kalian.

Diciptakan akal untuk berfikir, membezakan baik dan buruk, jadi tidak hairan jika sering berlaku pertikaian dan pertelingkahan dalam mengutarakan apa-apa pendapat, semuanya bertujuan untuk mencapai kebaikan. Menyentuh tentang persoalan yang dikemukakan, hal ini melibatkan ijtihad golongan berilmu. Hukum-hukum semasa yang dikeluarkan terletak di bawah satu cabang ilmu iaitu fiqh semasa.

### Apa itu Al-Fiqh Al-Mu'asir atau fiqh semasa?

Fiqh semasa adalah kefahaman terhadap hukum-hukum Islam dalam konteks semasa yang melibatkan isu-isu baru yang tidak dinyatakan hukumnya dalam sumber syariat atau pendapat mujtahid terdahulu. Antara sarjana-sarjana terkenal yang membawa gagasan, idea pembaharuan dalam fiqh adalah Wahbah Al-Zuhaili, Yusuf Al-Qardawi dan Abd Al-Karim Zaidan.

### Adakah ilmu fiqh semasa penting?

Semestinya ilmu ini sangat penting untuk difahami dan dikuasai oleh para mujtahid, pertama adalah untuk memastikan pelaksanaan syariat Islam secara menyeluruh. Kedua, ilmu ini diperlukan untuk memperbaharui ijtihad bagi menjawab persoalan atau isu semasa dalam kalangan umat Islam. Perubahan adat dan budaya akan membawa kepada perubahan hukum. Segalanya memerlukan seseorang ulama untuk berusaha mengeluarkan hukum yang selari dengan keperluan manusia dalam masa yang sama memastikan hukum tersebut mengikut landasan syariat yang benar.



## **Apakah sumber rujukan fiqh semasa? Benarkah kebanyakannya fatwa baru antaranya penjarakan 1 meter dalam solat jemaah merupakan konspirasi Yahudi?**

Fiqh semasa sebenarnya tidak asing dalam dunia Islam. Berpandukan sumber rujukan yang disepakati Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Ada keadaan tertentu memerlukan ulama untuk merujuk sumber hukum yang tidak disepakati seperti Al-Istihsan, Masalah Al-Mursalah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, dalam usaha memutuskan hukum selari dengan realiti semasa, para mujtahid tetap perlu merujuk sumber utama iaitu Al-Quran dan Al-Hadith.

Masyarakat perlu tahu, ijтиhad semasa bukan berbentuk fatwa semata-mata malahan wujud dalam tiga bentuk iaitu penyelidikan ilmiah (di universiti misalnya), fatwa dan undang-undang. Bagi menjawab persoalan sama ada fatwa-fatwa terkini merupakan konspirasi Yahudi, jawapannya semestinya tidak. Pihak yang mengeluarkan hukum bukanlah pihak yang tidak berautoriti. Seorang hakim atau mufti dipilih melalui syarat-syarat yang telah digariskan antaranya mempunyai penguasaan ilmu Al-Quran, Hadith, Bahasa Arab, istinbat hukum, usul fiqh, maqasid syariah dan banyak lagi cabang ilmu lain. Mereka perlu memiliki ciri bersifat adil, tidak mudah dipengaruhi anasir negatif juga

dipercayai ramai. Maka, masyarakat tidak boleh sewenang-wenangnya mempertikaikan kredibiliti seorang ulama.

## **Apakah contoh isu lain yang berkait dengan fiqh semasa?**

Fiqh semasa bukan sahaja menyentuh perkara berkaitan ibadah, malahan merangkumi semua aspek seperti pentadbiran, ekonomi, muamalat, munakahat dan banyak lagi. Contoh isu muamalat; transaksi pembelian emas secara atas talian, isu munakahat pula; hukum nikah atau cerai melalui aplikasi khas telefon bimbit.

Kesimpulannya, kita sebagai masyarakat awam perlu menjaga adab dalam menerima pendapat atau hukum yang dikeluarkan oleh pihak yang lebih berautoriti daripada kita. Kunci untuk tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang negatif adalah dengan menimba ilmu. Banyakkan mengkaji dan berdamping dengan orang-orang yang berilmu agar kita tidak menjadi seumpama sebuah tin yang hanya berbunyi di luar tetapi kosong di dalam.

# MEMBENTUK PERSONALITI DIRI MAHASISWA

Mahasiswa adalah antara tonggak utama dan pencorak masa hadapan negara. Di bahu mereka terpikul satu amanah yang amat besar yang bakal menentukan survival agama, bangsa dan negara. Rosaknya mereka, kelamlah negara dan mantapnya mereka, in shaa Allah selamatlah negara. Menyedari akan hakikat tersebut, mahasiswa sepatutnya melengkapkan diri mereka dengan segala persiapan dan persediaan bagi menggalas amanah dan tanggungjawab yang akan mereka pikul itu. Persediaan dan persiapan ini haruslah dibina sejak awal lagi terutama semasa di alam kemahasiswaan.

**DR. RAJA HISYAMUDIN  
BIN RAJA SULONG**

Pensyarah  
Jabatan Sains Politik Islam  
Akademi Pengajian Islam



Tidak dapat dinafikan, alam kemahasiswaan adalah satu tempoh yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Silap perhitungan dan perancangan, ia boleh membawa seorang mahasiswa ke arah kegelapan dan kesuraman masa hadapan. Hakikat ini perlu disedari oleh mahasiswa. Mereka tidak boleh leka dan hanyut dibawa arus tanpa membuat apa-apa persediaan untuk masa hadapan mereka. Mahasiswa mestilah menyiapkan diri mereka dengan segala pengetahuan dan keperluan bagi menghadapi segala cabaran apabila mereka keluar dari alam kemahasiswaan.

Salah satu aspek penting yang mesti dibina dan dijaga oleh setiap mahasiswa ialah aspek keterampilan diri. Aspek ini akan memberikan gambaran awal kepada masyarakat sekeliling mengenai keperibadian dan pembawaan seorang mahasiswa itu. Aspek keterampilan diri melibatkan tiga tunjang utama iaitu *appearance* (penampilan), *behaviour* (kelakuan) dan *communication* (komunikasi). Ketiga-tiga elemen ini cukup penting untuk dibina dan diglap oleh seorang mahasiswa sebagai persiapan dan bekalan untuk dibawa bersama mereka apabila mencebur alam pekerjaan. Elemen-elemen ini jugalah antara yang menjadi fokus utama di dalam penilaian sesuatu temuduga untuk mendapat pekerjaan.

Dalam bicara ringkas ini, tiadalah kemampuan untuk ketiga-tiga elemen itu disentuh dan diulas. Cukuplah dengan satu elemen sahaja iaitu *appearance* (penampilan) diri. Penampilan diri adalah satu aspek yang amat penting untuk dijaga dan diglap oleh setiap mahasiswa. Penampilan diri ini adalah antara faktor utama yang boleh memainkan peranan dalam menentukan kejayaan seseorang. Penampilan yang berkeyakinan, boleh dipercayai, ikhlas, jujur, amanah dan merendah diri boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada pembentukan personaliti diri yang cemerlang. Ia akan membawa aura yang positif kepada individu itu sendiri dan mereka yang berada di sekelilingnya. Penampilan diri ini terbahagi kepada dua iaitu penampilan dalaman dan penampilan luaran. Penampilan dalaman ialah seperti nilai kepimpinan, nilai keagamaan dan nilai profesionalisme. Manakala penampilan luaran pula ialah

seperti cara berpakaian, gaya penampilan dan corak perwatakan.

Bagi mengecilkan lagi batasan perbincangan, bicara ini hanya akan memfokuskan kepada aspek penampilan luaran sahaja khususnya kepada cara berpakaian. Seorang mahasiswa lebih-lebih lagi mahasiswa Muslim harus tahu dan mempelajari cara dan etika berpakaian. Hal ini kerana, Islam amat menitikberatkan soal berpakaian para penganutnya kerana ianya melambangkan adab dan akhlak seseorang individu itu. Di samping itu, cara berpakaian juga boleh menghasilkan dan menampilkan keterampilan diri yang positif. Pemerhatian terhadap pakaian, warna dan gaya akan memberi kesan kepada seseorang. Sebagai contoh, dalam sesuatu majlis rasmi, seorang lelaki lebih bersesuaian memakai baju berlengan panjang, bertali leher dan mengenakan warna yang bersesuaian, manakala atas pemilihan bagi wanita ialah kombinasi warna tidak melebihi empat warna dan elakkan pemakaian pakaian yang berkilat untuk majlis siang hari. Etika berpakaian ini kadang-kadang dipandang remeh oleh sesetengah mahasiswa. Sebab itulah ada di antara mereka terutamanya pelajar lelaki yang menghadiri kuliah yang boleh dianggap sebagai satu majlis rasmi hanya dengan berselipar Jepun dan berbaju "T-shirt" leher bulat dengan pelbagai gambar padanya. Perkara ini walaupun pada sesetengah pihak dianggap kecil, ia sebenarnya tidak wajar dilakukan oleh seorang mahasiswa lebih-lebih lagi seorang mahasiswa Muslim. Ia melambangkan adab dan akhlak yang tidak baik seorang murid kepada gurunya walaupun mungkin ada sesetengah pensyarah yang tidak pernah ambil kisah mengenai perkara tersebut.

Pantun Melayu ada menyebut;

Berburu di padang datar,  
Dapat rusa berbelang kaki,  
Berguru kepalang ajar,  
Bagai bunga kembang tak jadi.

Selain itu, cara berpakaian semasa alam kemahasiswaan juga merupakan satu bentuk latihan kepada para mahasiswa apabila mereka berpartisipasi dalam masyarakat. Sesuatu perbuatan yang diamalkan sentiasa dan berterusan biasanya akan menjadi tabiat kepada para pelakunya. Jikalau seorang mahasiswa itu sentiasa berpakaian kemas dan bersesuaian dengan acara yang dihadirinya, maka tabiat itu akan sentiasa diamalkan apabila mereka bergelumang dalam masyarakat ataupun di alam pekerjaan mereka. Bagi mahasiswa yang tidak pernah ambil kisah tentang perkara tersebut, ditakuti nanti mereka akan terbawa-bawa perlakuan tersebut apabila mereka berada di dalam masyarakat selepas alam kampus nanti.

Pakaian yang dipakai tidak semestinya berjenama dan mahal untuk kelihatan kemas dan cantik. Pakailah pakaian berdasarkan kemampuan diri bak kata pepatah Melayu "Ukur baju di badan sendiri". Apa yang penting ialah kebersihan dan kekemasan pakaian yang dipakai serta bersesuaian dengan acara yang dihadiri. Jikalau bersukan, pakailah pakaian sukan dan bukannya berkemeja dan berseluar slack. Begitu juga jika menghadiri kuliah, gosoklah pakaian yang dipakai dan jangan dibiarkan kedut seribu. Ia melambangkan personaliti si pemakainya. Tambahan lagi, bagi mahasiswa Muslim, berpakaian kemas dan cantik ini adalah merupakan satu tuntutan agama sebagaimana maksud hadis Nabi Muhammad SAW, "Sesungguhnya Allah itu maha cantik dan menyukai yang cantik". Oleh itu, mahasiswa Muslim sepatutnya menjadikan hadis tersebut satu panduan bagi mereka dalam membentuk dan membina penampilan diri. Ianya merupakan satu suruhan agama yang dijanjikan pahala bagi mereka yang mengamalkannya.

Sebagai kesimpulannya, saya menyeru kepada semua anak-anak mahasiswa yang saya kasih agar senantiasa menjaga keterampilan diri terutamanya dari aspek cara berpakaian. Tidak ada ruginya jikalau seorang mahasiswa itu sentiasa bersih dan kemas. Selain daripada ia satu bentuk latihan kepada diri sendiri bagi menghadapi alam di luar sana, berpakaian bersih dan kemas ini juga akan memupuk dan meningkatkan lagi rasa keyakinan diri anak-anak mahasiswa semua. Ia adalah satu proses semula jadi yang lahir daripada aura positif yang terhasil daripada tabiat tersebut. Oleh itu, janganlah berlengah lagi, ayuh perbaiki diri dan hiasilah peribadi. Terima kasih.





## INTROVERT & EXTROVERT: APA YANG PERLU ANDA TAHU?

“Seorang yang suka menghabiskan masa sendiri, tidak suka menjadi tumpuan dan lebih menyukai persekitaran yang tenang dan sunyi tanpa ada sebarang populariti”

“Seorang yang suka menghabiskan masa dengan ramai orang, terbuka dan lebih suka bekerja secara berkumpulan juga seorang yang sangat gemar dengan aktiviti spotlight”

Pernyataan manakah yang lebih hampir dengan diri anda?

Jika anda mengiyakan pernyataan yang pertama, ia lebih menerangkan diri anda sebagai seorang introvert dan pernyataan kedua menerangkan diri anda sebagai seorang extrovert. Walau bagaimanapun, pendapat yang lebih tepat dalam ilmu psikologi mengatakan bahawa pengelasan ini bukan terhad kepada dua kategori sahaja. Ia perlu dipandang daripada sudut skala atau spektrum yang lebih luas.

Kata Dr Dan McAdam, Ketua Jabatan Psikologi di Universiti Northwestern, “Ektroversi (extroversion) dan Introversi (introversion) ialah dimensi yang berhubung, seperti persoalan ‘tinggi’ dan juga ‘berat’. Ada orang yang dinobatkan sebagai orang paling berat di dunia, atau orang yang paling tinggi, atau orang yang mendapat skor paling tinggi dari sudut ekstraversi (extraversion) tetapi kebanyakan orang berada di tengah-tengah skala atau carta ini.”

Secara mudahnya, dapat difahami tidak ada orang yang benar-benar extrovert dan tidak ada orang yang benar-benar introvert. Ada masanya kita menjadi lebih terbuka dan ada kalanya kita perlukan masa bersendiri. Ia juga bergantung kepada keadaan dan dengan siapa kita berada.

Antara kefahaman lain yang salah pula tentang dua pengelasan ini adalah – introvert sering digambarkan sebagai orang yang tidak suka bergaul dengan ramai orang, pemalu, pendiam, suka menyendirikan dan tidak suka keluar rumah. Manakala extrovert pula digambarkan sebagai seorang yang tidak boleh duduk bersendiri, sentiasa perlu ada orang di sekeliling mereka dan susah ingin berhenti cakap apabila berbual-bual.

Ada pula yang menggunakan alasan ‘Saya introvert untuk tidak berbual dan tidak mengeratkan hubungan dengan rakan-rakan atau saudara mara apabila berjumpa. Oleh itu, jom kita lihat bagaimana Islam memandang isu ini.



NURULHUSNA AQIRAH  
BINTI ASLI

Pelajar Tahun 4  
Sarjana Muda Usuluddin  
(Dakwah & Pembangunan  
Insan)  
Akademi Pengajian Islam

Minda Sihat





## BAGAIMANA ISLAM MEMANDANG ISU INTROVERT DAN EXTROVERT

Apabila kita telah memahami tentang personaliti manusia secara umum, lalu bagaimana Islam memandang isu introvert dan extrovert ini terutamanya dalam menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup sebagai manusia?

Secara umumnya, Islam tidak mengulas isu introvert dan extrovert secara jelas, namun Islam menyediakan panduan dan juga prinsip dalam kita membina hubungan dengan persekitaran kita antaranya:

**1**

### Orang Yang Suka Bergaul Dengan Orang Lain Adalah Lebih Baik Daripada Orang Yang Tidak Suka Bergaul

عَنْ يَحْيَىٰ بْنِ وَثَابٍ عَنْ شَيْخٍ مِّنْ أَصْنَاحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْمُسْلِمُ إِذَا كَانَ يُخَالِطُ النَّاسَ وَيَصِيرُ عَلَى أَذْاهَمْ خَيْرٌ مِّنَ الْمُسْلِمِ الَّذِي لَا يُخَالِطُ النَّاسَ وَلَا يَصِيرُ عَلَى أَذْاهَمْ. قَالَ ابْنُ أَبِي عَدِيِّ: كَانَ شَعْبَةً، يَرَى أَنَّهُ أَبْنُ عُمَرَ.

Daripada Yahya bin Wathhab dari seorang syeikh dari salah seorang sahabat Rasulullah dari Nabi SAW baginda bersabda: "Jika seorang Muslim bergaul (berinteraksi sosial) dengan orang lain dan bersabar atas gangguan mereka, adalah lebih baik daripada seorang Muslim yang tidak bergaul (tidak berinteraksi sosial) dengan orang lain dan tidak bersabar atas gangguan mereka." Ibnu Abi Adi berkata: Syu'bah berpendapat bahawa syeikh itu adalah Ibnu Umar.

(HR Tirmizi 2507, Status Hadith:Sahih)

- Hadith di atas menekankan perihal pentingnya interaksi dalam Islam. Islam bukan hanya untuk kita seorang – dan kita bukan ingin jadi baik seorang diri. Orang yang lebih banyak bergaul dengan orang lain juga, pemikiran mereka pasti lebih terbuka dengan pandangan yang berbeza.

**2**

### Anjuran Supaya Menunaikan Hajat Dan Keinginan Orang Lain

إِنْ أَخْسَنْتُمْ أَخْسَنْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ

Maksudnya: "Jika kamu berbuat baik (bererti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri..."  
(Surah Al-Isra' ayat 7)

- Jika kita telusuri apa yang dimaksudkan dengan ayat di atas, Allah SWT berfirman bahawa apa jua kebaikan yang kita lakukan sebenarnya kembali untuk diri kita sendiri. Lantaran itu jika kita lihat kembali, kita mungkin rasa susah, gelisah, tekanan, banyak masalah lalu apabila kita membantu selesaikan dan memudahkan urusan orang lain, maka Allah SWT akan bantu selesaikan masalah kita.



Begini juga dalam satu hadith riwayat Muslim yang bermaksud:

*Daripada 'Abdullah bin 'Umar RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Seorang Muslim adalah saudara terhadap Muslim (yang lain), dia tidak boleh menganiaya dan tidak akan dianiaya oleh orang lain. Sesiapa yang melaksanakan hajat saudaranya, maka Allah SWT akan melaksanakan hajatnya. Sesiapa yang melapangkan kesusahan seseorang Muslim, maka Allah SWT akan melapangkan kesukarannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutupi aib seseorang Muslim, maka Allah SWT akan menutup aibnya pada hari kiamat." (No. 2580)*

- Hadith di atas menerangkan bahawa umat Islam pastinya mempunyai fungsi dalam masyarakat dan tidak boleh menumpukan kepada kehidupan sendiri sahaja. Bukankah kita sentiasa diingatkan bahawa Muslim yang lebih baik adalah mereka yang bermanfaat kepada orang lain?


Jika kita singkap lebih dalam lagi, dapat difahami bahawa sifir mudahnya buat baik dibalas baik begitu juga sebaliknya. Justeru itu berbuat baik bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada orang lain dan dapat memudahkan urusan kita sendiri malah ia juga dapat menenangkan hati, menghilangkan tekanan dan menggalakkan tindakan yang positif.

Perkara ini bukan sahaja disebut di dalam Al-Quran dan hadith malah turut dibuktikan melalui suatu kajian saintifik berkaitan "Effect of Volunteerism to Health" oleh pengkaji dari Washington yang mengumpulkan lebih daripada 87 kajian mengenai kesan membantu orang lain terhadap kesihatan.

Antara yang dapat disimpulkan oleh pengkaji melalui kajian tersebut adalah, membantu orang lain dapat membantu memanjangkan umur seseorang individu. Kedua, dapat membaiki kesihatan mental seseorang. Ketiga, membantu bertindak balas dengan apa jua masalah yang dihadapi. Terakhir, seseorang akan memperoleh ketenangan dalam kehidupan. Maka, dapat kita lihat betapa besarnya peranan kita dalam aktiviti kesukarelawan atau pun membantu orang lain.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa Islam itu meraikan perbezaan. Allah SWT juga mencipta setiap seorang daripada kita dengan sifat dan personaliti yang unik. Untuk menjadi seorang yang bermanfaat, kita tidak perlu menjadi orang lain. Tetapi saya ingin tegaskan di sini bahawa, 'frasa tidak menjadi orang lain' bukanlah tiket untuk kita tidak berubah ke arah kebaikan. Kita perlukan kefahaman dan juga kesedaran bahawa dunia ini akan menjadi lebih baik apabila setiap orang berfungsi dengan baik.





Sudah tentu kita akan berhadapan dengan keranah manusia yang pelbagai apabila bergaul dengan mereka tidak kira sesama Muslim atau bukan Muslim, namun di sinilah kesabaran menjadi nilaiannya. Sebarkanlah kebaikan dengan sifat rahmah dan bukannya kebencian. Anggaplah ia sebagai peluang untuk memperbaiki diri sendiri dan juga masyarakat di sekeliling.

Kesimpulannya, kita perlu memahami bahawa istilah introvert, extrovert dan apa juga istilah pengklasifikasian yang dicipta oleh manusia ini bukan bertujuan semata-mata untuk membeza-bezakan manusia atau untuk membahagikan manusia kepada kelompok yang berlainan. Tetapi, ia hanyalah satu langkah untuk lebih mudah memahami karakter dan juga personaliti seseorang. Sebagai manusia yang dicipta dengan akal fikiran dan kudrat, kita tidak ada limitasi untuk mencuba.





MUHAMMAD ZULHUSNIE  
BIN KHALIB

Alumni APIUM  
Kini bekerja sebagai  
Guru Akademik di SMK Tun  
Tijah

## Diari Alumni

# MATLAMAT dan CITA-CITA tidak mengenal siapa kita

Dan tidaklah Aku menciptakan Jin dan Manusia kecuali hanya untuk beribadah kepada-Ku”  
(Al-Dhariyat : 54)

Ayat ini menggambarkan bahawa, dalam setiap ciptaan Allah SWT di muka bumi ini termasuk jin dan manusia tidak sia-sia dan mempunyai matlamat yang tersendiri iaitu mengabdiikan diri kepada Tuhan yang agung iaitu Allah SWT.

Penciptaan manusia ini sudah tentu mereka memiliki kemahuan mahupun kehendak. Rata-rata jika ditanya, tentu sekali jawapan mereka mengimpikan sebuah kehidupan yang mewah, memiliki harta yang dapat membahagiakan, juga memiliki pasangan yang memahami antara satu sama lain.

Matlamat ini tidak hadir secara tiba-tiba. Ia sebenarnya hadir bila mana kita melihat persekitaran yang memberikan inspirasi kepada kita. Ada dalam kalangan kita, mereka melihat kehidupan yang mewah, pasangan yang saling melengkapi, harta yang melimpah ruah ini sebagai suatu inspirasi. Melalui penilaian ini, mereka cuba mengatur serta cuba mencapai matlamat yang mereka impikan ini.

Dalam konteks kehidupan saya sebelum bergelar mahasiswa Universiti Malaya, berasal dari sebuah kampung yang terletak di sebuah negeri Hang Tuah sangat bercita-cita untuk menjadi salah seorang penuntut di universiti terbaik Malaysia ini.

Saya terinspirasi di saat guru saya menceritakan berkenaan dengan universiti-universiti di Malaysia. Saat itu, satu persoalan dilontarkan kepada kami semasa di dalam kelas, apakah cita-cita yang kamu impikan, lantas terus saya menjawab, saya ingin belajar di Universiti Malaya. Lalu, saya ditertawakan oleh rakan-rakan yang lain kerana jawapan tersebut mereka rasakan tidak logik untuk dicapai mengenangkan sekolah ini tidak sehebat sekolah-sekolah yang terbaik diluar sana.

Namun, ini tidaklah menjadikan saya putus asa, malah ia menjadikan saya lebih bercita-cita mencapai matlamat yang saya inginkan. Perjalanan bagi mencapai matlamat ini bukanlah mudah. Hari demi hari yang ditempuhi menjadikan saya lebih kuat dan bersemangat untuk belajar. Syukur kehadrat Allah SWT, dengan izinnya saya diterima masuk ke Universiti Malaya melalui Program Asasi Akademi Pengajian Islam, kampus di Kelantan. Maka, bermulanya episod baru saya sebagai Mahasiswa UM.

Bergelar mahasiswa tidak semudah yang disangka. Ditambah lagi, ingin menjadi





mahasiswa yang inklusif dan proaktif. Perkara pertama yang perlu dielakkan ialah 3K iaitu hanya berlegar disekitar bilik Kuliah, Kantin dan Katil.

Ya benar, menjadi mahasiswa biasa memang mudah, namun menjadi mahasiswa yang luar biasa perlu kepada pengorbanan masa, tenaga sehingga wang ringgit. Pengorbanan ini semuanya dapat diterjemahkan melalui aktiviti universiti, kolej mahupun fakulti sebagai salah satu cabang aktiviti kehidupan kita sebagai mahasiswa.

Dunia kini yang begitu kompleks, telah memberi tamparan yang hebat kepada saya dari segi pemilihan serta pengambilan pekerja. Sekiranya produk dari sesebuah kilang dapat memenuhi keperluan pasaran, sudah tentu produk tersebut laris dijual bahkan memberikan keuntungan kepada syarikat berlipat kali ganda.

Analogi ini sesuai dengan kitaran universiti. Universiti ini dapat diibaratkan sebagai kilang pencetak kepada produk iaitu graduan. Sudah tentu, kilang ini akan melakukan penambahbaikan dari segi penyelidikan mahupun pengurusan kualiti bagi menghasilkan produk yang sangat berkualiti dan disukai oleh orang ramai. Melalui pelbagai ruang di universiti, mahasiswa dapat mencorakkan serta melatih ilmu termasuk softskill, pengurusan masa, pembangunan sahsiah, disiplin, pengurusan program dan pelbagai lagi bagi memenuhi pasaran global yang sangat sentig.

Oleh yang demikian, saya menyeru sebagai seorang alumni mahupun abang kepada saudara dan saudari yang telah mengalami semua proses ini, untuk manfaatkan idea, tenaga, dan seluruh jiwa yang dimiliki untuk kebaikan masyarakat. Dekati mereka yang susah, berganding bahu membantu pelajar-pelajar yang ketinggalan pelajaran selain membantu keluarga meningkatkan sosioekonomi kerana tiada perkara yang boleh mengubah kehidupan selain pendidikan sesuai dengan seruan PBB dalam agenda Matlamat Pembangunan Mampan. Selain itu, usah bimbang wahai anak muda, sesuai dengan sabda Rasulullah SAW;


Daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda,

“Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah SWT memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga”

(Hadith Riwayat Muslim: 2699)

WaAllahu alam.





# RISK-TAKING

## Menelusuri Perjalanan Rasul & Anbiya' Menyelami Pendidikan Istimewa daripada Ilahi

Setiap daripada kita mempunyai keperibadian atau personaliti yang tersendiri. Personaliti ialah sesuatu yang berbeza daripada jati diri kerana ia tergambar pada luaran setiap daripada diri kita. Menurut definisi Dewan Bahasa dan Pustaka, personaliti ialah sifat dan sikap seseorang yang membentuk sebuah perwatakan. Jadinya, personaliti ialah sebuah perwatakan yang diterjemahkan daripada sikap dan sifat diri seseorang.

Menyebut tentang perwatakan atau personaliti, pastinya uswah atau qudwah yang kita mahu jadikan tauladan adalah Nabi SAW dan juga para Anbiya'. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab ayat 21 dan Surah Al-Mumtahanah ayat 6:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَشْوَأُ حَسَنَةً لِئَنَّ  
كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكْرُ اللَّهِ كَثِيرٌ﴾  
٢١٦

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

(Al-Ahzab 33 : 21)

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أَشْوَأُ حَسَنَةً لِئَنَّ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ  
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَمَنْ يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ﴾  
٦

Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu (pada bawaan Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya itu) contoh ikutan yang baik, (iaitu) bagi orang yang sentiasa

mengharapkan keredaan Allah dan (balasan baik) hari akhirat. Dan sesiapa yang berpaling daripada mencontohi mereka, (maka padahnya akan menimpa dirinya sendiri), kerana sesungguhnya Allah Dia lah Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.  
(Al-Mumtahanah 60 : 6)

Para anbiya' itu perlu untuk kita jadikan tauladan dan contoh bukan hanya kerana mereka mempunyai akhlak yang paling baik, tetapi kerana mereka punya peribadi yang sentiasa cekal di atas kebenaran walaupun tidak disukai ramai.

Jika kita telusuri qasasul anbiya dan sirah, betapa para anbiya' mempunyai keperibadian yang cukup teguh dan kental. Prinsip mereka jelas menggambarkan karakter para anbiya', bahawa di sebalik kelembutan adanya sebuah ketegasan. Tegas yang bukanlah bererti keras. Pasti, dalam karakter yang terbina tersebut adanya didikan hebat yang menjadi terasnya. Ibarat pepatah Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Andai ingin membentuk jati diri dan peribadi, berilah didikan sejak kecil lagi. Mereka para anbiya' bukan sekadar mendapat pendidikan yang terbaik, bahkan mendapatkannya secara terus daripada Tuhan yang Maha Pengasih dan Penyayang. Mereka bukannya dipilih secara 'random' oleh Tuhan melainkan kerana mereka benar layak berdasarkan apa yang mereka lalui semenjak kecil.

Lihat sahaja kehidupan mereka. Kebanyakan daripada anbiya' merupakan anak yatim termasuklah junjungan Nabi yang sangat kita cintai, Muhammad Rasulullah SAW. Seperti yang disebutkan dalam kitab Al-Raheeq Al-Makhtum, Nabi SAW kehilangan ayahnya

“

Kesan daripada didikan ‘risk taking’ yang diterapkan secara tidak langsung daripada pencipta yang Maha Bijaksana dan Maha Agung ini yang akhirnya melahirkan karakter Para Nabi dan Rasul yang cukup teguh untuk menyampaikan risalah tauhid.”

sejak baginda lahir, kemudiannya kehilangan pula ibu yang sangat dicintai seawal usia 6 tahun. Ketiadaan ibu dan ayah semenjak kecil ini menjadikan para Nabi tidak manja dan terlalu bergantung harap kepada kedua ibu bapanya melainkan pergantungan total terhadap Allah SWT. Inilah didikan secara tidak langsung daripada Allah SWT kepada utusan-utusannya yang mana andai kita telusuri kisah para anbiya’ ini, kita akan tidak temui sebarang rungutan daripada uswah dan qudwah ini dilahirkan dalam keadaan sedemikian. Keadaan ini menjadikan mereka kuat secara mental dan matang semenjak kecil. Ini lah didikan ‘risk taking’ yang Allah SWT ingin terapkan dalam setiap seorang daripada utusan-Nya kerana keputusan-keputusan yang akan dilakukan oleh anbiya’ setelah itu semuanya atas dasar ‘mengambil sebuah risiko’.

Selanjutnya, kita dapat lihat juga karier-karier para anbiya’ ini. Mereka kebiasaannya mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menggembala kambing. Pengalaman yang dikehendaki sewaktu usia masih remaja dan belia mendorong para Nabi dan Rasul ini untuk terdedah dengan pekerjaan yang memaksa mereka membuat tindakan-tindakan yang mencetus sebuah risiko. Apakah tarbiah daripada pekerjaan menggembala kambing ini? Kambing adalah simbolik kepada sebuah kedegilan. Para nabi perlu dididik untuk menguruskan kedegilan kambing sebelum bergelumang dengan kedegilan manusia yang dahsyat. Menggembala kambing memerlukan kepada membuat keputusan dengan tepat, andai lambat dan bermudah-mudah akan menyebabkan kambing gembalaan terdedah kepada bahaya daripada musuh yang terlihatkan (serigala) dan tak terlihatkan (musang).

Kesan daripada didikan ‘risk taking’ yang diterapkan secara tidak langsung daripada pencipta yang Maha Bijaksana dan Maha Agung ini yang akhirnya melahirkan karakter Para Nabi dan Rasul yang cukup teguh untuk menyampaikan risalah tauhid. Mereka tidak sampaikan demi apa-apa kepentingan peribadi





MUHAMMAD FAKHRUL  
ISLAM BIN MOHD FAUZI

Pelajar tahun 3  
Sarjana Muda Usuluddin  
(Sejarah & Tamadun Islam)  
APIUM

Istaqamu

melainkan untuk mendapatkan reda Ilahi di samping kecintaan mereka terhadap umat yang melebihi diri mereka sendiri. Untuk melaksanakan perkara ini yang menyentuh kepada rutin kebiasaan yang dilakukan masyarakat memerlukan jiwa yang besar dan hati yang cekal. Seolah, seseorang yang sedar tidur dalam bilik yang gelap, kemudian kita buka lampu bertujuan untuk mengejutkan rakan kita daripada tidur. Pastinya rakan kita itu akan marah kerana kita mengganggu tidurnya dek kerana sudah selesa dan lena dalam buaian mimpi yang panjang. Mental dan emosi yang perlu dipersiapkan untuk berhadapan dengan sesuatu yang pasti akan menyakitkan.

Maka, untuk mencontohi peribadi para anbiya' ini kita perlulah membina keperibadian sedemikian dengan cara membenih sikap. Keberanian mengambil risiko demi kebenaran memerlukan keberanian yang tiada taranya. Pembinaan sikap yang perlu bermula dengan pembinaan rutin dan tabiat yang tepat di samping membiasakan diri untuk bergelumang dan berinteraksi sesama masyarakat. Ibu bapa juga perlulah memainkan peranan melalui penerapan sejak kecil agar karakter anak yang terbangun ialah karakter yang kuat menghadapi cabaran. Sikap 'terlalu protective' terhadap anak-anak boleh menyebabkan mereka kurang keyakinan untuk mengambil keputusan daripada sekecil-kecil perkara hingga kepada sebesar-besarkan perkara kerana mereka sudah biasa untuk punyai sandaran. Perkara ini hanya akan menyekat anak-anak daripada belajar melalui pengalaman yang dapat mereka terokai. IQ dan EQ yang perlu diseimbangkan sebaiknya di samping pembangunan fizikal dan spiritual yang tidak boleh diabaikan. Matlamat pendidikan yang dengannya ingin dibangunkan modal insan seperti kukuhnya berdiri sebatang pohon yang rendang dan sihat, yang kemudiannya menghasilkan pula daun dan buah yang banyak yang dapat dinikmati manfaatnya.

KITA TIDAK BOLEH  
KEKAL DALAM ZON  
SELESA  
SELAMA-LAMANYA.

SUATU HARI NANTI  
KITA AKAN HADAPI  
DUNIA REALITI  
YANG KIAN  
MENCABAR.



ADAKAH KITA  
SUDAH  
BERSEDIA?



MUHAMMAD IZZUDDIN  
BIN MAHAMAD NAZERI

Pelajar Tahun 4  
Sarjana Muda Pendidikan  
Islam (Pengajian Al-Quran)  
Akademi Pengajian Islam  
**Begitu Begini**  
caranya

# SEMPOI ATAU SPOIL?



Bericara tentang pahit manisnya sebuah perjalanan hidup ia sangat berkait dengan personaliti individu yang lahir secara langsung dari hatinya.

Personaliti insan yang kita lihat hanya sekadar santai, rileks dan 'cool' serta bersahaja mampu menggegar dunia dan jiwa insan sekejulungnya andai dia berani untuk melaksanakan 2 perkara.

## 1. Mencipta Kelainan

Orang yang berpersonaliti sempoi, menarik dan memukau tahu apa yang mereka mahukan dalam hidup. Mereka jelas dengan pembawakan diri mereka sendiri, tidak akan melakukan perkara yang membosankan dan tidak akan kekal melakukan kerja yang mereka tidak suka. Mereka akan mencabar diri untuk melakukan yang tidak pernah dilakukan dan luar dari kebiasaan diri. Semangat untuk menerokai cabaran dan menongkah arus juga akan menjadi suatu motivasi yang berharga bagi orang yang hidup dalam suasana sosiologinya. Hakikat yang perlu kita tahu ialah

manusia yang berperwatakan 'sempoi' tidak akan memilih jalan yang mudah untuk terus menggapai kejayaan kerana bagi mereka, cabaran adalah makanan yang mampu menjadikan mereka lebih 'power'.

## 2. Pejuang Kehidupan

Manusia yang berperwatakan sempoi akan memilih menjadi pelakon utama yang perlu membawa karakter yang berat berbanding pelakon sampingan. Mereka tidak akan rasa ragu-ragu dengan jalan yang dipilih dan tidak pedulikan jalan mudah atau senang untuk berjaya dalam kehidupan. Andai diajukan soalan kepada mereka "Hang tak takutkah risiko untuk mencapai kejayaan?".

Para pejuang kehidupan tidak akan pernah goyang dan lemah lutut dengan

dengan cabaran yang mendatang kerana mereka yakin pada diri sendiri dan yakin dengan kejayaan yang telah Allah SWT janjikan. Manusia yang mempunyai personaliti yang sempoi akan teruja untuk menghadapi risiko dalam menjayakan pelan kehidupan dan matlamat hidup. Walaupun gagal dalam perancangan, mereka tidak mudah mengalah dan terus tabah mengulang langkah. Langkah yang terus kedepan dalam kehidupan mampu menjadikan mereka pejuang hidup yang tidak tahu erti kalah.

Biarpun sejuta halangan dan rintangan yang perlu direda, jiwa dan semangat mahasiswa yang umpama unggun api itu lantas membakar dan memecah keheningan dan keinginan malam tanpa perasaan ragu dan lemah walaupun terpaksa menyinarkan cahaya sendirian di dalam kegelapan.



Saat kau mengembara dengan perwatakan 'spoil', saat itu cuba kau sentuh dada di sebelah kiri, kau mampu rasakannya terletak elok di sebelah jantungmu yang berdegup, lahir daripada gumpalan darah merah yang pekat, mengalir lalu membeku bersama dan membentuk seketul daging yang dipanggil hati. Berkata sang Pujangga, "Berbahagialah hidupmu dengan senyuman, apa pun yang kamu rasa di lubuk hati, biarkan ia terbenam, kamu akan merasai bahagia walau hempedu yang perlu ditelan. Akhirnya nanti, hempedu itu menjadi penawar penyakit hati. Yang lembut menjadi ampuh dan teguh".

Sempoi atau Spoil? *Pilihan hidup di tanganmu.*

CEMBURU TENGOK  
ORANG YANG  
BERKEYAKINAN  
TINGGI,  
EASY-GOING,  
PERAMAH...

BUAT APA-APA  
PUN BOLEH.  
ORANG PUN  
SUKA.



AKU PUN NAK JADI MACAM TU!

TAK NAK LEMAH  
SEMANGAT!

AKU NAK BERUBAH!



**AKU BOLEH!!!**



DIA TU DAH  
KENAPDA?

ENTAH,  
BIARLAH DIA.



MULAI ESOK LA~ XD



IFFAH INSYIRAH  
BINTI ABDUL RAZAK

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Fiqh & Usul  
Akademi Pengajian Islam

### Jom Relaks

**Menurut Syeikh Ramadhan al-Buthi Hafizahullah:**

Jihad bermaksud mencerahkan segala tenaga dengan usaha yang pelbagai untuk meninggikan kalimah Allah SWT dan menyebarkan agama-Nya. Mahasiswa sememangnya tidak lari daripada tanggungjawab kita yang utama, iaitu sebagai seorang pelajar. Setiap tindak tanduk kita dalam mendepani pelbagai arus dunia mesti berbalik kepada panduan kita; Al-Quran dan Al-Sunnah.

Jihad dan mahasiswa tidak swasta. Mahasiswa ini sering dapat dipisahkan kerana kali memang lumrah kehidupan pelajar perlu berjihad dalam aktiviti kuliahnya dalam menangani anasir -

dikaitkan dengan wujudnya beberapa gerakan ditubuhkan di lubuk universiti. Hal ini demikian kerana mereka yang

Said anasir luar. Dengar laungan mahasiswa, tentu kita membayangkan dominannya di setiap sudut dalam Institusi Pengajian

sahaja bertungkus lumus bagi memenuhi segala keperluan dan kehendak mahasiswa demi kemaslahatan bersama.

Tidak asing lagi, Persatuan Mahasiswa Islam di segenap universiti-universiti telah bertapak lamanya di institusi pengajian masing-masing dengan nada dan kesatuan mahasiswa yang dinamik.

Dunia sekarang lebih tertumpu kepada teknologi yang mampu menggoncang dunia, sekalipun tidak ada pertumpahan darah. Oleh yang demikian, dunia barat berkuasa dalam menggerakkan sesuatu perkara khususnya dalam bidang teknologi seperti di media sosial. Lahirnya serangan pemikiran atau ghazw al-fikri ini, bagi meyakinkan bahawa pihak mereka di laluan yang benar tanpa adanya keraguan

## Mahasiswa Intelektual Pemimpin Negara



dan bertepatan dengan kehendak manusia. Terdapat beberapa serangan ideologi yang sangat cepat tersebar bak cendawan tumbuh selepas hujan yang wujud di negara kita. Ideologi-ideologi inilah yang mampu merosakkan daya pemikiran kita lagi-lagi kepada mahasiswa yang terdedah kepada kebolehupayaan bagi menyuarakan pendapat mereka secara bebas tanpa memikirkan hak sebagai seorang Muslim peri pentingnya. Sebagai contoh, sekularisme. Diambil daripada Wikipedia, maksud kepada sekularisme berasaskan pemisahan

agama dari semua hal-hal dunia. Sekularisme menolak peraturan syariah dan lebih suka peraturan selain daripada syariah. Dapat kita lihat bahawa ideologi ini tidak sepatutnya diserap ke dalam pemikiran kita sebagai mahasiswa Islam. Terang lagi bersuluh agama dipisahkan daripada hal keduniaan seperti pentadbiran, ekonomi, politik dan sebagainya. Agama Islam tidak boleh disamakan dengan agama lain seperti Buddha dan sebagainya. Ingatan bersama, tidak ada agama yang lebih tinggi berbanding Islam. Nilai-nilai sekularisme yang menentang disisi agama Islam itu sendiri. Golongan ini mengambil sikap enteng mengenai hal ehwal agama berkenaan. Mereka juga tidak menjadikan ulama' kontemporari apatah lagi ulama' terdahulu



sebagai rujukan berkenaan isu-isu keagamaan yang berkait dengan akidah kita terutamanya. Secara ringkasnya, mahasiswa sewajarnya cakna terhadap intipati serta memahami secara dasar sejauh mana kefahaman yang benar dan mana yang bercanggah dengan agama Islam. Pengaruh besar mampu menjunamkan daya pemikiran mahasiswa menjadi pelapis kepada pemikir ideologi Barat. Mafhum hadith Rasulullah SAW diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Muawiyah Bin Abu Sufyan bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

***“...sesiapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah sudah pasti diberikan kefahaman ilmu dalam agama.”***

Berdasarkan mafhum hadis ini dapat kita rangkumkan bahawa ilmu agama begitu signifikan dalam kehidupan manusia sejagat. Jika kita tidak mendalaminya, kita akan terjerumus ke dalam lembah kejahilan. Martabat sebuah ilmu begitu besar jika dibandingkan dengan yang lain. Bersangkutan dengan itu, kita sebagai mahasiswa Islam



perlu mendalami ilmu agama dengan sempurna tanpa perlu mengaut sedikit-sedikit, kelak menjadi musibah buat kita kerana menyampaikan ilmu yang bersalahan kepada masyarakat awam. Begitu juga ramai golongan cendekiawan, intelejensi yang bijak pandai tidak dapat memahami konsep ilmu agama secara mendalam. Oleh yang demikian, kita sebagai mahasiswa garaplah ilmu agama sebanyaknya lagi-lagi berkaitan akidah, ibadah dan sebagainya. Apabila timbul persoalan tentang akidah, ramai yang tidak mampu membahas dengan baik. Dunia kita sekarang telah uzur, berlumba-lumbalah mengejar kebaikan. Nilai-nilai kerohanian perlu dinilai sama tinggi menyamai hal kebijaksanaan dalam menangani tindak tanduk pengaruh luar. Kesimpulannya, majulah mahasiswa Islam demi kelangsungan pentadbiran negara yang dilimpahi rahmat dari-Nya. Kitalah pemimpin masa hadapan, jika bukan kita, siapa lagi?



**NURNABILAH HUSNA  
BINTI ZAIDI**

Pelajar Tahun 2  
Sarjana Muda Syariah  
(Syariah & Pengurusan)  
Akademi Pengajian Islam

**Jom Relaks**

# **KEPENTINGAN MAHASISWA KEPADА ISLAM**

Islam merupakan sebuah agama dan sistem yang menyeluruh dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuklah aspek akidah, ibadah, akhlak, politik, ekonomi, kebudayaan, sains, undang-undang dan sebagainya. Secara dasarnya, agama Islam memberikan bimbingan yang penuh kepada penganutnya daripada sekecil-kecil perkara sehingga besar-besar perkara. Apabila berbicara mengenai kejayaan atau kedudukan Islam itu sendiri, golongan pemuda antara salah satu penyumbang terbesar kepada kemajuan Islam dan pembangunannya dalam pelbagai sektor yang terdapat di seluruh dunia. Dalam konteks kampus, golongan pemuda atau lebih mesra disapa golongan mahasiswa merupakan penggerak yang banyak membantu memperjuangkan hak-hak mahasiswa di kampus serta banyak menjadi perantara dalam pelbagai isu seperti isu penginapan kampus, sistem pembelajaran dan lain-lain. Kredibiliti mahasiswa sebagai tonggak utama dalam usaha melakar nama negara bukan sahaja dalam sistem pendidikan, malahan juga dalam sistem pentadbiran, pembangunan, perdagangan dan sebagainya.


Jika dibelek semula dalam lipatan sejarah Tanah Melayu pada tahun 1930-an, golongan pemudalah yang begitu lantang dalam perjuangan menentang penjajah yang menindas rakyat pribumi pada ketika itu. Antara bukti yang boleh diketengahkan ialah Gerakan Islah di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu dipelopori oleh golongan pemuda yang berilmu pengetahuan seperti Syeikh Tahir Jalaludin dan Syed Sheikh Al-Hadi. Bertitik tolak daripada bukti sejarah itu sendiri, sememangnya mahasiswa patut diangkat sebagai generasi pewaris *khairu ummah* (sebaik-baik ummah) Islam. Justifikasinya, terdapat banyak kisah yang dirakamkan di dalam Al-Quran yang menceritakan tentang usia muda yang begitu berharga dalam membangunkan generasi khairu ummah. Antaranya, kisah yang masyhur iaitu Ashabul Kahfi yang ditampilkan dalam surah Al-Kahfi, ayat 13 yang bermaksud:

**“Kami ceritakan kepada kamu wahai Muhammad perihal mereka dengan benar, sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahi mereka dengan petunjuk.”**


Menerusi ayat ini, Allah SWT menggambarkan kepada kita tentang kewujudan generasi muda yang meletakkan pengabdian mereka yang pertama kepada Allah SWT untuk mempertahankan akidah mereka. Impak daripada pemantapan iman tersebut, Allah SWT telah memberi jalan keluar bagi setiap masalah yang dihadapi. Akhirnya, mereka berjaya menyembunyikan diri di dalam gua bagi mengelak daripada ancaman penguasa yang zalim pada waktu itu. Itulah secebis kisah generasi muda yang berani sehinggakan Allah SWT telah merakamkannya dalam Al-Quran sebagai renungan buat generasi kini.

Berbalik kepada topik asal yang dibincangkan, mahasiswa juga menjadi agen penyebar kebaikan dalam mengamalkan nilai-nilai murni yang diajarkan Islam itu sendiri. Acap kali terdengar bahawa orang bukan Islam sering melabel Islam itu sebagai teroris. Kenyataan yang berbaur negatif ini dipadamkan dengan adanya budaya kesopanan dan kesusilaan dalam diri mahasiswa seperti yang tercatat dalam Rukun Negara yang kelima. Malahan, contoh yang terbaik dalam sirah Islam iaitu Nabi Muhammad SAW sendiri telah membuka ramai mata masyarakat dengan empat sifatnya yang terpuji iaitu *siddiq, amanah, tabligh*





dan *fathonah*. Kemenjadian golongan mahasiswa yang berbudi bahasa serta berakhhlak mulia mampu mengangkat martabat Islam sebagai agama yang *syumul* dalam semua aspek di samping menolak kenyataan yang mengatakan bahawa Islam itu agama kekerasan. Tidak kurang dengan itu, menelusuri sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh yang berjaya menakluki Kota Konstantinopel seawal umur 21 tahun telah melakarkan satu sejarah Islam yang tersohor di mana seorang pemuda yang mempunyai jati diri yang teguh berpaksikan akidah yang mantap sebagai kekuatan tertegaknya agama Islam itu sendiri. Ternyata pemuda atau golongan mahasiswa juga mampu menjadi panji-panji Islam serta bakal meninggalkan sejarah yang megah kepada negara. Akhir sekali, seorang tokoh pendidik terulung negara, Aminuddin Baki pernah menyatakan, “Ayam dikepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan” menyuntik kesedaran golongan mahasiswa supaya segera bangkit daripada lamunan kosong kerana sebagai anak nusa yang berpendirian kental dan teguh, mereka sememangnya menggalas aspirasi dan tanggungjawab kepada negara demi memperjuangkan martabat Islam serta mengekalkan keamanan dalam Islam itu sendiri.



# SEGENGAM KOPI SECawan AIR

Bangkit...  
Bangkit...  
Sebelum seruan jalak lantang berkокok menang...  
Bangkit,  
Sebelum hari silih berganti hingga waktu meminta diri dan azam berlabuh di ufuk kesal, sangsi menelan diri bak unggas senja yang menebal...  
Bangkit,  
Bangkitlah dari lalai dan leka, dari penat dan duka, isilah perut penuhi dada sebagai bekal agar kita kekal bertenaga, bersedia, bersemangat mencurah keringat ke tanah, menjelak berkat Quran dan Sunnah,  
Kaki kanan membuka langkah, tuntutan ibadah menuju Jannah,  
Jadi bangkitlah,  
Tundukkan nafsu, tegakkan diri,  
Dan hayati rahmat dari Sang Ilahi,  
Semoga hari ini lebih baik dari semalam,  
Dan esok lebih baik dari hari ini.






Kata-kata pujangga tersebut sangat bermakna bagi mahasiswa. Hal ini kerana kehidupan mahasiswa sangat rumit dan mereka terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan. Perit, jerih, payah yang mereka lalui terkadang memakan diri mereka sendiri. Sedangkan gajah berkaki empat kadangkala tersadung jatuh terlipat. Apabila seorang insan menjejakkan kaki ke alam varsiti, maka mereka tidak lagi terikat dengan apa-apa peraturan yang telah menjerut leher mereka sekian lama ketika di bangku sekolah. Kini insan tersebut telah bersedia untuk menerima diri mereka digelar sebagai seorang mahasiswa.

Kehidupan sebagai seorang mahasiswa sangat mencabar. Banyak asam garam kehidupan yang perlu mereka tempuh sebagai pengalaman hidup untuk terus melangkah ke hadapan. Namun, gunung nian gah tidak selalu utuh, lama kelamaan menjadi rata dek kerana manusia. Samalah juga dengan kehidupan mahasiswa, terkadang kuat bersemangat, terkadang lemah dan hilang azimat keringat. Namun, dikala jatuh terduduknya anak Adam, Islam datang menyelamatkan mereka. Islam mengajarkan kepada umatnya agar sentiasa bersemangat dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Tidak kiralah apa jua pekerjaan yang dilakukan, seseorang itu perlulah bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam mengerjakannya. Sabda Nabi SAW di dalam hadithnya;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ حَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْمُضِعِيفِ وَفِي كُلِّ حَيْرٍ أَخْرَصْتُ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَلَا تَعْجِزْ فَإِنْ غَلَبَكَ أَمْرٌ فَقُلْ قَدْرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ وَإِيَّاكَ وَاللَّهُو فَإِنَّ اللَّوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Dari Abu Hurairah menyampaikannya (iaitu ianya marfu') kepada Nabi SAW, baginda bersabda: "Mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada mukmin yang lemah, dan dalam masing-masing keduanya itu terdapat kebaikan. Bersungguh-sungguhlah terhadap sesuatu yang bermanfaat bagimu dan jangan lemah semangat. Jika suatu perkara mengalahkanmu maka katakanlah, 'Ketentuan Allah telah ditetapkan, dan suatu yang telah Dia kehendaki maka akan terjadi. Dan jauhilah olehmu dari ucapan 'Seandainya', kerana sesungguhnya ungkapan 'Seandainya' membuka peluang masuknya syaitan.'" (HR Ibnu Majah No: 4168)





**AMIRUL SOLIHIN  
BIN ISMAIL**

Pelajar Tahun 1  
Sarjana Muda Syariah &  
Undang-undang  
Akademi Pengajian Islam

**Jom Relaks**

Bertitik-tolak dari hadith ini, mahasiswa boleh mengaplikasikannya dengan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Bukankah menuntut ilmu itu sangat dituntut dalam islam? Islam kini kekurangan para ilmuan. Hal ini kerana Allah telah menarik nyawa orang-orang alim sebagai tanda hampirnya hari yang dijanjikan iaitu hari pembalasan. Jadi golongan mahasiswa yang berdarah muda dan *advance* pemikirannya inilah harapan nusa, bangsa dan agama.

Hayatilah kisah sufi segenggam garam, segelas air yang diajarkan nenek moyang kepada kita agar dapat dijadikan tauladan. Di mana sang guru alim menyuruh anak muridnya meminum segelas air yang berisi segenggam garam di dalamnya. Muridnya mendapati air di dalam gelas itu tidak dapat diminum kerana kemasinannya sangat tepu, lalu disuruh pula gurunya memasukkan segenggam garam lagi ke dalam kolam yang besar dan menyuruhnya minum. Muridnya dapat meminum air kolam itu tanpa rasa masin sedikit pun. Begitulah juga dengan kehidupan kita sebagai seorang mahasiswa. Ibarat segenggam kopi dan segelas air. Hati bagaikan tempat dicurahkan kopi, jika besar kapasiti jiwa mahasiswa dengan iman dan Islam, maka mereka tidak akan sesekali merasa gentar, lemah mahupun putus harapan disebabkan kopi dosa dan fatamorgana dunia.

Salam untuk semua, Islam utuhkan kita.



# *Indahnya Dakwah*

**Apabila melihat orang lain memenuhi hidupnya dengan dakwah.**

**Diriku tertanya-tanya?**

**Dari mana datang kekuatan dakwah yang sedemikian rupa?**

**Apa puncanya?**

**Apa yang mengerakkannya?**

**Musykil diriku dibuatnya.**

**Bila ditanya,**

**Mereka hanya menjawab,  
Allah lah segalanya.**

**Terpegun aku mendengar!**

**Begitu kuat keyakinan dan kebergantungan mereka dengan Allah.**

**Allahhurobbi,**

**Cemburunya aku dengan mereka.**

**Sanggup memberi masa, tenaga, harta malah nyawa,  
semata kerna untuk Dakwah Agama Tercinta.**

**Melihat mereka bergerak,**

**Cukup membuat diriku sebak,  
Cukup buat jantung ini berdetak,**

**Akal tanya pada hati,**


**Apa pula sumbangan sang punya diri ini?**

**Apa dakwah yang sudah ku ceburi?**

**Apa amal yang sudah ku bekali?**

**Apa yang aku hendak dalam dunia ini?**

**Pelbagai lagi soalan yang pusing-pusing dalam akal cetek ini,  
Moga dengan contoh tauladan insan-insan hebat ini,  
Memberi inspirasi buat insan-insan seperti aku ini.**



**MUHAMMAD ALFATEH  
BIN ISMAIL**

**Pelajar Tahun 1  
Sarjana Muda Usuluddin  
(Al-Quran & Al-Hadith)  
Akademi Pengajian Islam**

**Jom Relaks**

***Akan ku pastikan,  
Dakwah itu menjadi  
sebahagian kehidupan,  
Menuju matlamat membawa manusia kembali mencintai Tuhan.***

***Ya Allah bimbinglah diri kami,  
Agar hidup dalam dakwah,  
Dan mati juga dalam dakwah.  
Moga sedikit bekalan ini,***

***Menjadi jawapan dan bukti rasa cinta kami kepada agama-Mu ini.***

Begitulah setiap kali kita melihat orang yang mengabdikan dirinya dalam dunia dakwah. Penuh kenikmatan yang mereka rasai. Meskipun lelah menghambat diri, tidaklah mengharapkan kekayaan harta semata. Jika dikaji dari mana datangnya kekuatan ini, tidak lain dan tidak bukan ia datang daripada penghayatan agama itu sendiri. Rasa cinta akan Allah SWT dan Rasul-Nya menjadi pembakar semangat. Perintah Allah SWT dalam Al-Quran menjadi panduan, Sunnah Nabi SAW yang mulia menjadi ikutan.

Dakwah adalah tugas asasi bagi setiap umat Islam untuk menyeru, mengajak, menyampaikan dan memperkenalkan kepada manusia mengenai ajaran agama Islam. Dakwah juga boleh didefinisikan sebagai gerakan berterusan mengajak manusia ke jalan Allah SWT supaya mereka mendapat kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT:

وَلَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ  
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar merekalah orang-orang yang beruntung". (Surah Al-Imran: 104)

Begitu juga sabda Nabi SAW:

بَلِّغُوا عَنِي وَلَوْ آتَيْهُ

Maksudnya: Sampaikanlah kalian semua dariku walaupun sepotong ayat.  
(Hadis riwayat Bukhari, No. 3461)

Melalui pemahaman dan penghayatan para pendakwah dalam kedua-dua dalil ini telah memberikan rasa tanggungjawab untuk meneruskan usaha dakwah bagi

# MULAKAN DAKWAH SEKARANG

merebut gelaran pewaris perjuangan para Nabi SAW dan Rasul.


Ini yang menjadikan mereka tetap teguh berdiri atas jalan dakwah sama ada kepada orang Islam itu sendiri atau orang bukan Islam. Mereka juga sedang merebut janji-janji Allah SWT sepertimana yang telah difirmankan oleh-Nya.

Persoalan yang saya ingin ketengahkan di sini ialah adakah kita sebagai pelajar juga boleh berdakwah? Dan apakah cara yang kita boleh gunakan?

Menjawab kepada persoalan yang pertama, Ya, kita semua boleh berdakwah dan telah menjadi tanggungjawab kita secara bersama dalam menyampaikan dakwah. Tugas pendakwah ini ialah tugas semua umat Islam secara amnya. Pendakwah yang saya maksudkan di sini adalah menyeru dan mengajak manusia sekeliling kita untuk membuat kebaikan dan beramal soleh. Kita juga mampu berdakwah mengikut kepada tahap kemampuan ilmu masing-masing kerana kemampuan kita berbeza.

Jika orang yang pakar dalam sesuatu bidang ilmu maka cara dakwahnya berbeza. Jika orang awam cara dakwahnya juga berbeza. Begitu juga dengan kita sebagai seorang pelajar, kita juga ada tuntutan dalam berdakwah. Jadi perlu dilihat di mana keutamaan dan keberadaan kita dalam menyampaikan dakwah. Walau bagaimanapun, pastikan niat kita ikhlas dan cara kita betul dalam berdakwah.

Alhamdulilah telah terjawab satu persoalan, manakala persoalan yang kedua ialah apakah cara *simple* yang kita boleh gunakan dalam berdakwah?



Begitulah antara gerak kerja dakwah yang mudah untuk kita ikuti dan sertai. Jadi sememangnya tiada lagi alasan buat diri kita daripada tidak menyertai atau terjun sekali dalam menyumbang bakti dalam dakwah. InsyaAllah.

Akhirul kalam, saya ingin berpesan dan mengajak semua pembaca agar merenungkan firman Allah SWT berkenaan seruan dalam berdakwah:

Allah SWT berfirman:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَلِمُؤْعِظَةِ الْحَسَنَةِ  
وَجَاهِلَتْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang baik.

(Surah Al-Nahl: 125)

Ayat ini menerangkan bahawa dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat itu perlulah dilakukan secara berhikmah. Walaupun berlaku perdebatan dalam mencari kebenaran maka berhujahlah dengan isi-isi yang baik serta disulami dengan adab sopan kerana akhlak yang baik itu menjadi cerminan kepada wajah Islam yang sebenar.

Moga kita semua istiqamah dalam berdakwah ya sahabat-sahabat.

Wallahu alam.

**TERIMA KASIH  
KERANA MEMBACA**

*Semoga beroleh manfaat*